


# Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

## Yesus Memberi Makan 5000 Orang



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest  
Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children  
[www.M1914.org](http://www.M1914.org)

©2024 Bible for Children, Inc.  
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau  
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

1

Ramai pemimpin agama  
(dipanggil oran-orang  
Farisi) berbohong  
tentang Yesus.

Malah ada yang cuba  
membunuhnya. Mereka  
tidak percaya  
Dia benar-  
benar Anak  
Tuhan.



2

Mereka tidak menerima Yesus walaupun Dia melakukan mukjizat yang membuktikan Dia adalah Anak Tuhan.



3

Pada suatu hari, Yesus menyeberangi Danau Galilea. Mungkin Dia mahu berehat sekejap, jauh daripada orang ramai yang sentiasa berkumpul di sekeliling-Nya. Tetapi orang ramai segera menemui Dia. Mereka tahu Yesus melakukan mukjizat besar. Mereka mahu berada bersama Dia.




4

Yesus membawa murid-murid-Nya naik ke gunung yang sunyi di mana Dia duduk dan mengajar. Semakin ramai yang datang. Tidak lama kemudian waktu makan malam tiba. Semua orang pasti lapar.




5

Yesus memandang orang ramai. "Di manakah kita dapat membeli roti supaya mereka ini boleh makan?" Dia bertanya kepada Filipus. Tiada kedai makanan di sekitar sini. Apakah yang Yesus rancangkan?




6

"Akan sangatlah mahal untuk membeli makan kepada semua orang ramai ini," jawab Filipus kepada Yesus. Yesus dan murid-murid-Nya tidak mempunyai banyak wang.




7

Seorang murid lain, Andreas (saudara Simon Petrus) berkata kepada Yesus, "Ada seorang budak di sini yang mempunyai lima roti jelai dan dua ikan, . . ."



8

"... tetapi apakah artinya itu untuk orang sebanyak ini?" Andreas tidak nampak bagaimana makanan tengah hari budak kecil itu boleh memberi makan kepada ramai orang ini - walaupun budak itu sanggup memberikan makan tengah harinya kepada Yesus.




9

Yesus berkata, "Suruhlah orang ramai itu duduk." Maka duduklah orang-orang itu, jumlahnya kira-kira lima ribu orang lelaki. Wah! LIMA RIBU! Itu tidak termasuk wanita dan kanak-kanak yang berada di sana juga.




10

Seterusnya, Yesus mengambil roti dan ikan itu. Budak kecil itu pasti mempercayai Yesus. Dia tidak tahu mengapa Yesus mahu makanan tengah harinya, atau apa yang akan Yesus lakukan dengannya. Dia mungkin berfikir, "Jika saya memberikan makanan tengah hariku, aku pasti tidak dapat makan." Tetapi dia tetap memberikannya kepada Yesus.



11

Kemudian, Yesus berdoa. Dia bersyukur kepada Tuhan. Untuk lima roti dan dua ikan? Ya! Yesus berkata "Terima kasih" kepada Tuhan dan meminta Tuhan memberkati makanan itu.




12

Selepas berdoa, Yesus memecah-mecahkan roti dan ikan dan memberikannya kepada murid-murid yang membagikannya kepada orang ramai. Ketika itulah orang melihat mukjizat yang dilakukan oleh Yesus. Setiap orang makan semua yang dia mahu. Namun roti dan ikan tidak habis.




13

Selepas semua orang diberi makan, masih banyak roti dan ikan yang tinggal. "Kumpulkan cebisan itu supaya tidak ada yang terbuang," kata Yesus kepada murid-murid. Mereka mengisi dua belas bakul dengan cebisan lima roti jelai lebih yang telah mereka makan.



14

Pada hari itu, Yesus memberi makan kepada lebih 5000 orang dengan menggunakan makanan tengah hari seorang budak kecil. Pada waktu yang lain, Dia memberi makan kepada lebih 4000 orang dengan tujuh roti dan beberapa ikan.



15

Apabila orang biasa melihat tanda-tanda ini, mereka tidak marah seperti orang Farisi. Sebaliknya mereka berkata, "Ini benar-benar Nabi yang telah datang ke dunia." Mereka tahu Yesus adalah Juruselamat yang telah di janjikan dalam Firman Tuhan.




16

Yesus Memberi Makan 5000 Orang  
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,  
terdapat dalam  
Yohanes 6

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

17



51



60

18

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihinya kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

19